

Ubah strategi perniagaan hadapi IR4.0

m/d: 2

BH - 15/10/2019

PM saran wujud budaya cipta teknologi, bukan lagi sebagai pengguna

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Petaling Jaya: Sektor perniagaan di Malaysia perlu mengubah strategi, mentaliti dan budaya untuk kekal kompetitif dalam arus Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Peringatan berkenaan disuarakan Tun Dr Mahathir Mohamad yang mahu agar strategi perniagaan di negara ini beralih daripada hanya memperdagang dan menggunakan teknologi kepada mencipta teknologi.

Saranan Perdana Menteri itu memang berasas kerana dalam mendepani cabaran IR 4.0, semua pihak perlu keluar daripada kebiasaan bagi merebut peluang yang terhidang tanpa batasan.

Dr Mahathir berkata, perniagaan di Malaysia adakala terlalu berteraskan operasi untuk mendapatkan hasil dan biasanya, perniaga terlalu konservatif untuk mempelbagaikan perniagaan dan pembangunan produk.

“Mentaliti dan budaya pernia-

gaan ini perlu berubah. Perniagaan di Malaysia perlu mula melabur dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) secara serius untuk meningkatkan dan menambah baik produk serta perkhidmatan, proses perniagaan dan integrasi teknologi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Persidangan Antarabangsa IR 4.0: Revolusi Global Dalam Perniagaan, Teknologi dan Produktiviti (MYINDUSTRIES 2019) di SEGi University, di sini semalam.

Dr Mahathir turut menggesa universiti awam dan swasta di Malaysia memberi tumpuan membangunkan keupayaan R&D bagi menyelesaikan masalah industri sebenar serta kajian peningkatan produktiviti dan pulangan pelaburan (ROI).

Perdana Menteri juga mahu lebih banyak kajian mengenai transformasi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan ke arah perniagaan berteraskan teknologi, dilaksanakan.

“Kita perlu lebih banyak teknologi yang disesuaikan dengan industri Malaysia. IR4.0 boleh menjadi permulaan kepada pembangunan dan penyelidikan teknologi tempatan.

“Sistem pendidikan juga perlu dilihat semula. Wujud keperluan untuk mentransformasi modal insan kita, sama ada pekerja sedia ada atau pelajar dengan kema-



Dr Mahathir merasmikan Persidangan Antarabangsa Industri 4.0 sambil diperhatikan Pengerusi SEGi International Berhad, Tan Sri Megat Najmuddin Megat Khas (dua dari kiri) dan Canselor SEGi University, Tan Sri Syed Anwar Jamalullail (tiga dari kiri) di Kota Damansara, semalam.

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

“Kita perlu lebih banyak teknologi yang disesuaikan dengan industri Malaysia. IR4.0 boleh menjadi permulaan kepada pembangunan dan penyelidikan teknologi tempatan.”

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

hiran baharu, pemikiran inovatif dan pengetahuan pelbagai disiplin.

“Firma swasta perlu melabur dalam mengubah dan meningkatkan kemahiran pekerja sedia ada dan pekerja baharu untuk mengasah kemahiran mereka supaya seiring dengan landskap operasi baharu,” katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir yakin Dasar Kebangsaan mengenai Industri 4.0 (Industry4WRD) yang dilancarkan tahun lalu, mampu menjadikan Malaysia rakan strategik dalam pembuatan pintar, hub utama industri berteknologi tinggi dan penyedia penyelesaian masalah untuk sektor pembuatan di Asia Pasifik menjelang 2025.

Menerusi dasar itu, kerajaan menasaskan Malaysia menjadi hab Industri 4.0 di Asia Tenggara, sekali gus membuka peluang untuk mengembalikan status negara sebagai Harimau Asia.

Industry4WRD akan memastikan industri Malaysia, terutama sektor pembuatan mampu ke hadapan dan berdaya saing bagi menangani cabaran IR4.0.

Pelan tindakan itu bertujuan mengorak langkah bagi meningkatkan produktiviti, mencipta pekerjaan serta sumber bakat yang berkemahiran tinggi dalam sektor pembuatan yang akhirnya akan menyumbang kepada kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan hidup masyarakat.